



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat **Negeri Terengganu** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia kod bidang **221002** (Membersih Kawasan), **221003** (Mengangkut Sampah) dan **221402** (Hiasan Jalan / Kawasan (tidak termasuk pelandskap dan seni taman) dan tajuk masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran bagi tajuk berikut :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
MBKT SH 1/2026	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI ZON (A) TAMAN BANDAR BARU KUALA NERUS DAN SEKITARNYA, KUALA NERUS TERENGGANU. Taklimat : 20/01/2026 (Selasa) * DIWAJIBKAN Jam : 10.00 pagi Tempat : Tingkat 6 (Bilik Mesyuarat Cempaka) Menara MBKT. *Kehadiran sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN. Hanya penama yang tercatat pada Sijil KKM sahaja dibenarkan hadir dan daftar kehadiran serta membeli dokumen Sebutharga.	RM30.00	TARIKH : 29/01/2026 (Khamis) MASA : Sebelum jam 12.00 Tengahari (Dokumen yang dihantar lewat tidak akan Dipertimbangkan)

- Syarikat-syarikat atau penyebut harga diwajibkan membawa sijil asal dan mengemukakan sesalinan sijil-sijil yang berkaitan semasa mendapatkan dokumen sebut harga. Sijil-sijil berkenaan mestilah sah laku tempohnya. Hanya penama yang tercatat pada sijil Kementerian Kewangan sahaja layak membeli dokumen sebut harga tersebut.
- Bayaran untuk dokumen sebut harga boleh dibuat dalam bentuk Tunai / Deraf Bank atas nama Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Bayaran ini tidak dikembalikan.
- Dokumen sebut harga ini boleh dibeli dengan harga sebagaimana yang tersebut di atas **di Tingkat 14, Jabatan Landskap, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**, pada waktu pejabat. Dokumen ini akan mula dijual pada hari **Rabu, 21 Januari 2026** hingga **Rabu, 28 Januari 2026**.
- Sebut harga ini akan ditutup pada hari **Khamis, 29 Januari 2026**. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. Sebut harga berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.
- Syarikat WAJIB mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia semasa menghantar Dokumen Sebut Harga.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Penyebut Harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebut harga tamat akan disyorkan untuk diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t
(DATO' JUSMAN BIN IBRAHIM)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu